

Newspaper	Berita Harian
Date	27 September 2015

# Dr Mahathir tidak berhak singkir Najib

BH-27/9/2015

» PM dipilih rakyat yang mengundi pada PRU-13: Salleh

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

Kuala Lumpur

**B**ekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak berhak menyingkirkan Datuk Seri Najib Razak kerana Perdana Menteri dipilih oleh rakyat yang mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak, berkata Najib menerajui BN selaku parti pemerintah yang memenangi pilihan raya umum berkenaan.

"Pada tahun 2013, rakyat atau pengundi dan bukannya Dr Mahathir yang menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri. Dr Mahathir hanya seorang daripada 11 juta pengundi.

**Dipilih ahli secara sah**  
"UMNO yang memilih Najib sebagai Presiden, dengan itu menjadikan beliau sebagai pemimpin UMNO yang dipilih oleh ahli secara sah," katanya menerusi catatan dalam blog beliau [sskeruak.blogspot.my](http://sskeruak.blogspot.my).

Salleh mengulas kenyataan terbaru Dr Mahathir di blog peribadi dengan mendakwa beliau berusaha gigit menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri keenam.

"Sekurang-kurangnya tiada dakwaan berlakunya penipuan ketika pemilihan parti dan Najib juga tidak membatalkan pendaftaran UMNO untuk menutup penipuan, seperti apa yang Bapa Merdeka, Almarhum Tunku Abdul Rahman dakwa Dr Mahathir lakukan pada 1987," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir mendakwa beliau bekerja keras menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri sehingga melayakkannya untuk menyingkirkan pemimpin itu daripada Putrajaya.

Dakwaan itu, katanya sama seperti yang dikatakan orang di Amerika Syarikat iaitu 'if I

**“**Sesetengah orang mungkin menggelarnya delusi atau khayalan untuk seseorang itu fikir yang beliau boleh menentukan siapa patut dan tidak patut memimpin negara, seolah-olah sistem demokrasi untuk memilih pemimpin dan kerajaan tidak lagi wujud”

**Salleh Said Keruak,**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia

can hire, then I can fire' (Jika saya boleh lantik, saya juga boleh pecat).

**Salah tanggapan**  
"Ia tidak benar dan salah tanggapan. Dr Mahathir bukan bos atau majikan Najib yang boleh memecat beliau sesuka hatinya.

"Sesetengah orang mungkin menggelarnya delusi atau khayalan untuk seseorang itu fikir yang beliau boleh menentukan siapa patut dan tidak patut memimpin negara, seolah-olah sistem demokrasi untuk memilih pemimpin dan kerajaan tidak lagi wujud," katanya.

Salleh berkata, mungkin Dr Mahathir boleh membuat dakwaan seperti itu jika ia membabitkan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana beliau yang melantik pemimpin itu sebagai timbalannya dan akhirnya meletak jawatan dan menyerahkan kepemimpinan negara kepada Abdullah.